

# DAIVONEX<sup>®</sup> SCALP SOLUTION

Calcipotriol (50 micrograms/ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*
2. Bagaimana *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*
4. Cara menggunakan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*
5. Semasa menggunakan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*

*Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution* digunakan untuk merawat:

- Psoriasis kulit kepala

Jika sel-sel pada kulit anda tumbuh terlalu banyak, anda boleh mendapat psoriasis. Psoriasis adalah satu keadaan di mana kulit anda mendapat tompok merah dan tompok bersisik yang berwarna perak. Tompok bersisik adalah sel-sel mati yang biasanya akan jatuh dari kulit anda semasa anda tidak perasan.

## Bagaimana *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution* berfungsi

*Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution* tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai anti-psoriatics. Ia adalah sejenis vitamin D.

Vitamin D mengawal bagaimana sel-sel kulit anda tumbuh. *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution* berfungsi untuk mengurangkan jumlah sel-sel kulit yang dihasilkan oleh kulit anda. Ini bermakna simptom anda akan berkurang juga.

## Sebelum menggunakan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan gunakan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*

- Jika anda mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap calcipotriol atau

sebarang bahan lain dalam ubat anda. Anda boleh mendapatkan senarai bahan-bahan ini di bahagian "Bahan-bahan kandungan" risalah ini.

- Jika anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda mempunyai tahap kalsium yang tinggi (gangguan metabolisme kalsium).

### *Mengandung dan menyusukan anak*

Sila tanya doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat anda sebelum menggunakan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*:

- Jika anda hamil, atau berfikir anda hamil.
- Jika anda sedang menyusukan bayi.

Beritahu doktor anda jika anda hamil ketika menggunakan ubat ini.

Keselamatan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution* dalam kehamilan manusia belum dibuktikan sama ada calcipotriol akan dirembes ke dalam susu ibu masih tidak diketahui.

- *Sebelum menggunakan Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*

Berhati-hati dengan penggunaan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*

Jangan gunakan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution* pada muka anda kerana ia boleh menyebabkan kerengsaan setempat.

Basuh tangan anda selepas menggunakan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution* untuk mengelakkan sisa berpindah ke bahagian muka secara tidak sengaja.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil, atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat-ubatan lain. Ini termasuk sebarang ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi.

Sila tanya doktor anda jika anda bimbang tentang sebarang bahan-bahan dalam ubat ini.

## Cara menggunakan *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Dewasa:

Dos anda akan bergantung kepada keadaan psoriasis anda. Doktor anda akan menetapkan dos yang tepat untuk anda:

### **Jika anda hanya menggunakan ubat ini**

Jangan gunakan lebih daripada 60 mililiter (ml) setiap minggu.

Sila bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan ubat lain, dan anda tidak pasti tentang kandungannya.

Ingat: ubat anda mengandungi bahan aktif yang dipanggil calcipotriol.

Anda boleh menggunakannya dengan krim atau salap lain yang juga mengandungi calcipotriol.

Berhati-hati semasa anda menggunakan bersama-sama ubat sebegini supaya anda tidak guna terlalu banyak dalam seminggu.

Apabila digunakan bersama-sama dengan *Daivonex<sup>®</sup> Ointment* atau *Cream*, jumlah dos calcipotriol tidak harus melebihi 5 mg setiap minggu iaitu bersamaan dengan 100g *Daivonex<sup>®</sup> Ointment* atau *Cream*. (1ml *Daivonex<sup>®</sup> Scalp Solution* bersamaan dengan 1g *Daivonex<sup>®</sup> Ointment* atau *Cream*.)

### **Kanak-kanak:**

Ubat ini tidak disyorkan untuk kanak-kanak.

- *Bila perlu digunakan*

Anda perlu menggunakan ubat ini dua kali setiap hari. Gunakan pada waktu pagi dan pada waktu petang. Untuk mengingatkan anda supaya menggunakan ubat, ia boleh

membantu apabila menggunakannya semasa anda melakukan satu lagi tindakan yang tetap, seperti memberus gigi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sentiasa gunakan *Daivonex® Scalp Solution* tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda.

Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan ubat anda, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Kemudian gunakan ubat anda pada masa yang biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Beritahu doktor anda dengan segera. Anda mungkin mendapat terlalu banyak kalsium dalam darah anda.

Anda perlu memberitahu doktor anda dengan segera jika anda mengesan sebarang tanda-tanda berikut yang mungkin disebabkan oleh terlalu banyak kalsium di dalam darah :

- Anda perlu kencing dengan lebih kerap
- Anda berasa dahaga
- Anda mempunyai mulut yang kering atau rasa logam di dalam mulut anda
- Anda berasa lemah atau mempunyai sakit pada otot atau tulang anda
- Anda berasa sakit atau mempunyai sembelit.

**Semasa menggunakan *Daivonex® Scalp Solution***

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Daivonex® Scalp Solution*.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi *Daivonex® Scalp Solution* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda tidak cenderung mendapat terlalu banyak kalsium dalam darah anda jika anda menggunakan dos yang ditetapkan untuk anda. Anda boleh mengetahui dos yang perlu anda gunakan dalam seksyen cara menggunakan *Daivonex® Scalp Solution* di dalam risalah ini. Anda lebih cenderung untuk mendapat terlalu banyak kalsium dalam darah anda jika anda menggunakan dos lebih daripada yang disyorkan setiap minggu.

Memandu dan menggunakan jentera

Bincang dengan doktor anda jika anda berasa apa-apa kesan sampingan yang mungkin menghalang anda daripada memandu atau menggunakan mesin.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, *Daivonex® Scalp Solution* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan penting untuk diperhatikan :

Anda perlu mendapatkan bantuan perubatan segera jika anda mempunyai mana-mana gejala berikut. Anda mungkin mengalami reaksi alahan jika:

- Anda mempunyai kesukaran bernafas
- Wajah termasuk di sekitar mata anda membengkak
- Kulit anda mempunyai ruam yang teruk.

Kesan sampingan lain yang mungkin berlaku :

Kesan sampingan yang mungkin berlaku yang dinyatakan dalam seksyen risalah ini biasanya ringan:

- iritasi setempat yang sementara
- keradangan kulit muka.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini atau kesan sampingan anda menjadi serius.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan *Daivonex® Scalp Solution***

- Penyimpanan

- Jauhkan daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.
- Simpan pada suhu bilik terkawal (15°C – 25°C).
- Simpan *Daivonex® Scalp Solution* daripada api atau nyalaan kerana ia boleh terbakar.
- Jangan gunakan *Daivonex® Scalp Solution* selepas tarikh tamat tempoh pada kotak itu. Tarikh luput adalah hari terakhir bulan tersebut.
- Jangka hayat: 2 tahun.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

*Daivonex® Scalp Solution* adalah cecair tanpa warna dan sedikit pekat. *Daivonex® Scalp Solution* dibungkus dalam botol plastik 30ml dan 60ml

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
  - Calcipotriol

*Daivonex® Scalp Solution*

mengandungi 50 mikrogramms  
calcipotriol di dalam setiap mililiter  
(ml).

- Bahan tidak aktif
  - Hydroxypropylcellulose
  - Isopropanol
  - Levomenthol
  - Sodium citrate
  - Propylene glycol
  - Air bertapis
  
- Nombor MAL  
MAL19986981AZ

**Pengilang**

LEO Pharmaceutical Products A/S  
Limited  
Industriparken 55,  
DK-2750, Ballerup  
Denmark

**Pemegang Pendaftaran Produk**

DKSH Malaysia Sdn Bhd  
B-11-01, The Ascent, Paradigm,  
No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya,  
47301 Petaling Jaya, Selangor.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

05/04/2016

**Nombor siri:**

BPFK(R4/1)240316/00095